

SURAT EDARAN BPOPP BILANGAN 14 TAHUN 2025

PENYELARASAN PENGGUNAAN KOD VENDOR BANK GUNASAMA BAGI BAYARAN KAD KREDIT KORPORAT (KKK), CAJ ePAYMENT DAN CAJ PROSESAN CEK OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada mesyuarat bersama bank berkaitan pembayaran kad kredit korporat (KKK), caj perkhidmatan ePembayaran dan caj pemprosesan cek, penggunaan **kod vendor bank diselaraskan seperti berikut bagi setiap bank** :

Bil	Jenis pembayaran	Kod vendor dan Akaun bank
1	Kad Kredit Korporat (KKK)	Satu kod vendor dan satu akaun bank gunasama bagi setiap bank
2	Caj ePayment	Satu kod vendor dan satu akaun bank gunasama bagi setiap bank
3	Caj Prosesan Cek	Satu kod vendor dan satu akaun bank gunasama bagi setiap bank

Pemakluman ini menggantikan **Surat Edaran BPOPP Bilangan 13 Tahun 2024 no. rujukan JANM.600-15/4/6(12) bertarikh 29 November 2024** memandangkan terdapat pengemaskinian nombor akaun bank bagi pembayaran Caj Kad Kredit Korporat BANK ISLAM (kod pembekal **6000472394**) seperti di jadual di bawah.

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT BANK BAGI CAJ KAD KREDIT KORPORAT

KOD PEMBEKAL	NOMBOR AKAUN BANK LAMA	NOMBOR AKAUN BANK BARU
6000472394	SWIFT CODE : BIMBMYKL NO.AKAUN : 140140100152241	SWIFT CODE : BIMBMYKL NO.AKAUN : 14014010112481

3. Sehubungan dengan itu, semua Pejabat Perakaunan dipohon untuk memaklumkan dan memanjangkan maklumat kod vendor bank ini kepada setiap PTJ masing-masing bagi memastikan pembayaran ke atas tiga kategori bayaran ini menggunakan kod vendor yang tepat. **Sekiranya terdapat pembayaran kepada bank selain yang disenaraikan di Lampiran 1, kerjasama Pejabat Perakaunan dipohon untuk merujuk kepada BPOPP bagi tujuan penyelarasan kod vendor bank berkenaan.**

4. Kerjasama tuan / puan untuk membuat hebahan ini kepada PTJ masing-masing secara menyeluruh bagi mengelakkan risiko kesilapan penggunaan kod vendor bank untuk bayaran KKK, Caj ePayment dan Caj Pemprosesan Cek amat dihargai.

Sekian, terima kasih.